

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

15. Adakah Kerajaan Negeri bercadang membina kompleks sukan di daerah Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) untuk kegunaan orang awam?
  - (a) Sekiranya ada sila nyatakan lokasi dan jangka masa akan dibina.

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan untuk pembinaan/penaiktarafan beberapa kemudahan sukan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) dalam bajet 2018. Perincian adalah seperti berikut:

**Daerah Seberang Perai Selatan**

KADUN	JENIS KEMUDAHAN	STATUS
Jawi	Kompleks Badminton dengan kapasiti 8 gelanggang badminton	Dalam Perancangan
Batu Kawan	Kemudahan sukan bola Keranjang	Dalam Perancangan

### Daerah Seberang Perai Tengah

KADUN	JENIS KEMUDAHAN	STATUS
Padang Lalang	Pembinaan Stadium Hoki yang baru di Jalan Betek	Kerja-kerja tambun tanah sedang dilaksanakan.  Berdasarkan kontrak, tempoh pelaksanaan projek adalah dari 4 Dis. 2017 hingga 3 Dis. 2019.
Seberang Jaya	Menaik taraf Stadium Mini Permatang Rawa yang akan mempunyai kemudahan padang bola sepak rumput sintetik, 5 gelanggang futsal dan sebuah gelanggang sepaktakraw.	Peringkat kelulusan Pelan Bangunan.  Berdasarkan kontrak, tempoh pelaksanaan projek adalah dari 27 Mac 2018 hingga 26 Mac 2019.

### Daerah Seberang Perai Utara

KADUN	JENIS KEMUDAHAN	STATUS
Bagan Jermal	Pembangunan Arena Badminton Antarabangsa, Pusat Kolam Renang Bertaraf Fina dan Komersial	Dalam Perancangan
Bertam	Cadangan Menaik taraf dan baik pulih Padang Hoki, Kompleks Sukan MPSP Bertam, Kepala Batas, SPU	Peruntukan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui Kementerian Belia dan Sukan dan sehingga kini Surat Setuju Terima (SST) belum dikeluarkan.